

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 26 JULAI 2005, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 18

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. 40-100258
Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:-
 - (a) apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan kebajikan masyarakat terpelihara daripada menjadi mangsa syarikat insurans yang mungkin mengambil kesempatan apabila sistem rawatan diswastakan; dan
 - (b) adakah Kementerian bercadang untuk menghadkan agensi-agensi insurans tertentu sahaja yang akan terlibat apabila sistem rawatan diswastakan.
2. 8-100467
Tuan Saravanan a/l Murugan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai keyakinan Kerajaan bahawa tidak ada impak yang ketara kepada produktiviti negara apabila Kerajaan memberikan cuti setiap Sabtu sepanjang tahun kepada semua kakitangan awam di mana sebelum ini pun Kerajaan telah banyak bertolak ansur dengan memberikan cuti pada hari Sabtu minggu pertama dan ketiga setiap bulan.
3. 54-100085
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan negara-negara manakah yang telah menggunakan methadone sebagai kaedah memulih penagihan dadah dan apakah peratusan kejayaan dari penggunaan bahan tersebut terhadap penagih dadah.
4. 52-100475
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan satu dasar untuk menentukan makanan-makanan yang dijual di kantin-kantin sekolah berzat serta berkualiti dan bukannya 'junk foods' sepertimana yang berleluasa sekarang ini.

5. 44-100052
Puan Safinah binti Jusoh minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan persediaan negara dalam menghadapi kemungkinan bencana besar seperti terjadi satu malapetaka seperti tsunami atau gempa bumi. Apakah bentuk sistem penyampaian maklumat yang akan digunakan dalam suasana kecemasan sekiranya berlaku kerosakan pada sistem komunikasi biasa (telephone) serta terputusnya bekalan elektrik.
6. 49-100392
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kecurian bagi pengeluaran wang melalui mesin ATM bagi setengah tahun pertama tahun ini berbanding dengan tahun lepas.
7. 65-100056
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan Badan Penapis Siaran-Siaran TV Swasta dan bagaimana siaran-siaran TV Swasta itu ditapis sekarang.
8. 37-100293
Dato' Sri Lim Sing @ Lam Kam Sang minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang memendekkan tempoh urusan Bursa Malaysia dari 6 jam kepada 4 jam sahaja sehari.
9. 60-100294
Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan cara untuk Kementerian memantau dan melaksanakan arahan yang mewajibkan semua majlis perhimpunan di sektor swasta dimulakan dengan nyanyian lagu 'NEGARAKU'. Apakah bentuk tindakan yang boleh diambil jika arahan itu tidak dipatuhi oleh pihak swasta dan bila ianya akan diwajibkan.
10. 15-100457
Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajjah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah kakitangan perubatan (dan sokongan) serta kekurangan mereka setakat ini mengikut negeri, dan sama ada keputusan Kerajaan untuk membenarkan profesion kedokteran untuk mengiklankan perkhidmatan mereka akan membawa kepada berlakunya kes-kes penyelewengan dan penipuan.
11. 19-100368
Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah kadar bayaran untuk mendapatkan pasport pada masa sekarang berbeza berbanding dulu dengan sejumlah kecil bayaran rakyat diberi pasport dan tempoh penggunaan boleh dipanjangkan sehingga 5 ke 10 tahun, tetapi sebaliknya pada masa kini rakyat terpaksa membayar sebanyak RM300 untuk memiliki pasport yang hanya boleh digunakan selama 5 tahun.

12. 42-100140
Tuan Tan Cheng Tee minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Polis DiRaja Malaysia dibekalkan dengan kelengkapan yang tidak membawa maut (non-lethal weapon) seperti "taser", peluru getah (rubber bullet) dan sebagainya untuk mengurangkan kecederaan dan kematian apabila polis mahu membuat penangkapan terhadap para penjenayah.
13. 53-100330
Tuan Wilson Sagamani a/ Paul Devasagayam minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan adakah Kementerian sedar akan keruntuhan moral dan penglibatan dalam najis dadah di kalangan artis tempatan kian menular. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian agar budaya sedemikian dihapuskan sama sekali kerana artis-artis tempatan ini dijadikan "Role Model" oleh remaja-remaja kita kini.
14. 67-100327
Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setakat ini sejauh manakah unit dana modal Islam di Suruhanjaya Sekuriti berupaya untuk menarik minat pelaburan daripada negara-negara Timur Tengah di negara ini dan apakah tatacara pemasaran pelaburan modal di Malaysia dilaksanakan.
15. 75-100378
Datuk Yaakob Bin Haji Mohammad minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapakah MAS mencatatkan kerugian operasinya sekitar RM281 juta untuk penerbangan domestik bagi tahun kewangan 2004 sedangkan syarikat penerbangan Air Asia Berhad terus mengaut keuntungan berlipat ganda dan apakah strategi yang perlu diambil bagi menyelesaikan kemelut yang berterusan ini.
16. 62-100438
Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan atau pihak berkuasa tempatan sedar bahawa para pengusaha kedai besi-besi buruk telah beroperasi selama 24 jam, yang mana keadaan ini memprovokasikan para pencuri besi-besi "tak buruk" pada waktu malam dan seterusnya menjual "hasil" mereka itu kepada para pengusaha tersebut. Apakah langkah-langkah pemantauan dan tindakan sewajarnya harus diambil terhadap mereka.
17. 45-100177
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan status terbaru isu pemindahan Jabatan Aeroangkasa, Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk bergabung dengan Jabatan Sains Angkasa, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

18. 20-100064
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan usaha-usaha yang telah, sedang dan akan dilakukan ke arah memastikan tanah-tanah rezab orang asli dapat diwartakan dan diberi status hak milik.
19. 43-100009
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapa ramaiakah warga emas wanita dan lelaki mengikut pecahan kaum yang berada di rumah-rumah kebajikan.
20. 68-100017
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan akan menggunakan lagi cara pengendalian projek-projek melalui PMC (Project Management Consultant).
21. 72-100094
Dato' Kamarudin bin Ambok minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan siapakah yang akan memegang konsesi lebuhraya baru yang akan menghubungkan Jalan Raya Lingkaran Tengah (MRR2) dengan Lebuhraya Utara Selatan (PLUS-NKVE) dan bilakah projek ini dijangka akan siap.
22. 53-100333
Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah pelajar-pelajar yang masih meneruskan pengajian mereka di IPTA/IPTS yang berketurunan India di seluruh negara dan mengikut perkembangan semasa adakah bilangan ini selaras dengan pembangunan masyarakat di negara kita. Jika ya, adakah bilangan tersebut akan ditambah bagi menjadi pelapis bagi peningkatan ekuiti 3% kaum keturunan India dan jika tidak, adakah langkah serta tindakan Kerajaan bagi memastikan golongan belia keturunan India ini terus mendapat pendidikan tinggi.
23. 70-100027
Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah Kementerian bercadang menswastakan kawasan Peranginan Hutan Lipur di seluruh negara agar destinasi itu dapat diberi nafas dan berwajah baru berikutan kebanyakan tempat peranginan ini dikatakan kotor dan tidak terurus dengan baik serta tidak menarik minat pelancong.

24. 27-100147
Puan Hajah Che Jam binti Harun minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk membuat pemeriksaan kesihatan sekurang-kurangnya sebulan sekali di semua taman asuhan kanak-kanak atau taska sama ada di bawah Jabatan Kemajuan Masyarakat ataupun yang di bawah seliaan agensi-agensi Kerajaan yang lain.
25. 66-100280
Tuan Hii Tiong Kuoh minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan adakah perancangan dibuat oleh Kerajaan negeri Sabah dan Sarawak untuk menanam kayu balak di kawasan tanah Kerajaan dan seterusnya mengadakan industri hiliran.
26. 69-100345
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tidak adakah satu pendekatan yang boleh diambil untuk memastikan jururawat-jururawat juga dapat merasa nikmat perubahan jadual bekerja kesan daripada tindakan Kerajaan mengisytiharkan 5 hari bekerja bagi sektor-sektor awam baru-baru ini.
27. 47-100115
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sebab-sebab Fakulti Aeroangkasa hendak dipindahkan dari Universiti Putra Malaysia ke Universiti Kebangsaan Malaysia dan sejauh manakah perkembangannya setakat ini.
28. 21-100153
Datin Naomi Chong Set Mui minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah tindakan jangka masa panjang dan pendek yang diambil oleh Sabah Electricity Sdn. Bhd untuk memastikan gangguan bekalan elektrik di Sabah yang sering berlaku dapat ditangani dan diselesaikan secepat mungkin.
29. 46-100031
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah benar berita mengenai pengedaran dadah di sesetengah Pusat Serenti. Apakah Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan satu Suruhanjaya Menambahbaik Perkhidmatan Pusat Serenti kerana sehingga kini telah gagal memulihkan penagih-penagih dadah.
30. 17-100209
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bilangan koperasi yang mengalami kerugian dan keuntungan pada tahun 2003 dan 2004 dan apakah sebab-sebab prestasi koperasi yang berlainan ini.

31. 23-100222
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan berapakah bilangan MyKad yang belum dituntut sehingga Mac 2005 dan adakah Kerajaan bercadang untuk mengenakan denda yang lebih berat terhadap mereka yang "ambil mudah" dan sengaja melengah-lengahkan walaupun berkaitan dengan urusan diri sendiri.
32. 17-100208
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan petunjuk-petunjuk yang diguna atau akan digunakan untuk memantau usaha dan kemajuan menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau dan antarabangsa.
33. 23-100227
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan:-
- (a) berapakah jumlah syarikat-syarikat Malaysia yang berjaya memasarkan produk-produk mereka di pasaran antarabangsa; dan
 - (b) sejauh manakah Industri Batik Malaysia berjaya menebusi pasaran antarabangsa.
34. 74-100132
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah kerajaan mencapai matlamat memendekkan masa menunggu untuk mendapat rawatan di hospital.
35. 24-100272
Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah rumusan Kerajaan untuk menyemarakkan pembangunan sektor pertanian di Sabah, terutama di dalam industri agro-tourism dan perikanan laut dalam di dalam RMK-9 yang berpayu untuk menempatkan Sabah sebagai salah satu pusat pengeluaran makanan utama negara dan negara-negara di rantau ini.
36. 74-100134
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah papan notis 'Tak Nak' yang dipaparkan dibanyak tempat di seluruh negara membawa kesan dalam Kempen Anti Merokok.

37. 41-100215
Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan:-
- (a) apakah pandangan Kementerian berkenaan dengan cadangan mempercepatkan proses pendaftaran telefon prabayar bagi membendung unsur fitnah, lucah dan ugutan menerusi telefon bimbit; dan
 - (b) apakah cara penyelesaian bagi telefon prabayar yang sedia ada.
38. 29-100414
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapa ramai graduan yang lulus daripada universiti luar negara atau pun kolej swasta tetapi tidak lulus di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
39. 51-100283
Tuan Chiam Yong Tee minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bilangan lesen-lesen menangkap ikan laut dalam yang telah dikeluarkan pada tahun ini mengikut kaum.
40. 43-100010
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk mengubah suai gerai-gerai MARA yang sedia ada, memandangkan kebanyakan gerai-gerai itu telah uzur dan adakah juga Kementerian bercadang untuk mengubah konsep gerai-gerai ini.
41. 54-100104
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan berapa banyak peruntukan yang telah disalurkan ke Sarawak pada tahun 2004 sebagai bantuan kepada anak-anak seni untuk meneruskan kerjaya mereka dan apakah kriteria untuk menerima bantuan-bantuan ini.
42. 60-100308
Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan langkah untuk menyelesaikan beberapa kes salah tadbir koperasi seperti yang berlaku kepada Koperasi Jimat Cermat dan Pinjaman Mercantile. Berapa banyakkah kes-kes salah tadbir koperasi seperti itu berlaku pada tahun 2004 - 2005.

43. 38-100246
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan berapa banyakkah kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan akibat penjualan diesel secara haram oleh penjual-penjual yang tidak bertanggungjawab. Apakah tindakan yang telah dijalankan oleh Kerajaan bagi mengatasi perkara ini agar ia tidak berulang.
44. 18-100078
Tuan Ismail bin Kasim minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah penyambungan perkhidmatan terhadap jawatan tertinggi dalam Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) turut menyekat peluang kenaikan pangkat kakitangan lain dan adakah tindakan sedemikian adalah langkah terbaik dalam melancarkan polisi dan wawasan Kerajaan.
45. 62-100432
Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan dalam usaha mempromosikan penggunaan bahan api gas "NGV atau LPG" untuk kenderaan baru, khususnya kereta-kereta nasional dan juga tanggungjawab pihak pengusaha minyak membekalkan bahan api dan gas di kesemua stesen-stesen minyak mereka.
46. 75-100369
Datuk Yaakob Bin Haji Mohammad minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah penderma darah mengikut kaum di seluruh negara yang telah mendermakan darah mereka antara tahun 1995 hingga Mei, 2005 dan anggaran jumlah keperluan darah setiap tahun serta strategi yang telah diambil bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan darah di hospital seluruh negara.
47. 25-100238
Puan Ooi Siew Kim minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mewujudkan stesyen TV mengikut bahasa seperti Radio Malaysia yang mana lebih efisien untuk menyalurkan maklumat dan dasar Kerajaan. Ini juga dapat menunjukkan bahawa Malaysia adalah sebuah negara berbilang bangsa yang berjaya dalam arena antarabangsa.
48. 22-100197
Dato' Dr. Vijayaratnam a/l Seevaratnam minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan perkembangan terkini bagi memajukan industri bio-diesel dengan minyak kelapa sawit sebagai salah satu daripada sumber alternatif.

49. 4-100422
Datin Paduka Jaya Partiban minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah usahawan bukan bumiputera digalakkan mendapat bantuan dari Bank Pembangunan dan jika ya, nyatakan bilangan bukan bumiputera dan juga peniaga india yang berjaya mendapat bantuan.
50. 9-100397
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan adakah penghasilan drama tempatan oleh RTM sendiri menjimatkan dari segi kos dan adakah Kementerian bercadang untuk menaikkan kadar bayaran bagi pengeluar drama swasta bagi menggalakkan peningkatan mutu pengeluaran.
51. 39-100170
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah terdapat cadangan untuk mewujudkan satu program usaha sama dengan mana-mana syarikat swasta dalam atau luar negara untuk menyerap graduan-graduan menganggur untuk bekerja di syarikat-syarikat berkenaan dalam jangka masa yang ditetapkan. Ini akan memberi peluang kepada graduan-graduan tersebut menimba pengalaman selain mengelakkan pembaziran tenaga kerja dan pengangguran berlaku.
52. 9-100389
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapa ramaikah di antara para petani, pekebun kecil dan nelayan yang berada di bawah paras kemiskinan.
53. 74-100133
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah-langkah untuk mengatasi kekurangan guru-guru di Sekolah Jenis Kebangsaan dan guru-guru bahasa cina di Sekolah Kebangsaan.
54. 7-100259
Dato' Ratnam a/l Muthiah minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bagaimanakah Kementerian meningkatkan target satu juta ekor lembu di negara kita menjelang tahun 2010. Apakah rancangan-rancangan khas yang telah disediakan untuk mencapai target satu juta ekor lembu ini.
55. 58-100305
Datuk Hajjah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang dikenakan kepada rakyat Malaysia, terutamanya kepada ketua kampung, ketua anak negeri atau penghulu yang menyalahgunakan kuasa untuk membantu Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) mendapat dokumen pengenalan diri negara ini iaitu Mykad.

56. 46-100039
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan bilangan tahanan ISA sehingga kini mengikut pecahan kaum, kesalahan dan bilangan tahun mereka ditahan. Bilakah mereka akan dihadapkan ke mahkamah.
57. 9-100402
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah kajian semula dibuat untuk membuat pindaan terhadap Akta Perbendaharaan Pendidikan mengenai bekas-bekas guru tentera yang mempunyai kelayakan ikhtisas terutama yang mempunyai opsyen kritikal seperti matematik dan teknikal diserap masuk ke bidang perguruan dan mendapat pengiktirafan seperti guru-guru di bawah Kementerian yang sedia ada.
58. 73-100356
Dr. Raja Ram a/l Nadayson minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan tentang sukan hoki yang memiliki masa depan yang cerah. Kenapakah sukan ini tidak diberi tumpuan yang sewajarnya berbanding bola sepak pada hal kedudukan kita di arena antarabangsa dalam sukan hoki jauh lebih baik jika dibandingkan dengan bola sepak.
59. **Tuan Osman bin Bungsu** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengubah sistem meritokrasi dalam kemasukan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).
60. 70-100040
Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk tidak membenarkan pihak sekolah memelihara anjing dalam kawasan sekolah kerana hal ini mengganggu dan menimbulkan rasa kurang senang di kalangan guru-guru serta murid-murid beragama Islam.
61. 45-100199
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan jumlah peruntukan yang dikeluarkan oleh MARA untuk membiayai pelajar di dalam dan luar negara mengikut tahun antara 2000 hingga 2004.
62. 56-100463
Dato' Rhina Bhar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pindaan akan dibuat kepada Akta Pembangunan Petroleum 1974 untuk membolehkan Petronas menjawab bukan sahaja kepada YAB. Perdana Menteri tetapi juga kepada Parlimen.

63. 47-100117
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah amalan pembukaan botol arak dan penyemburan air arak diiringi oleh perempuan berpakaian seksi bagi meraikan pemenang Grand Prix Formula One akan diteruskan.
64. 19-100374
Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk melantik jurulatih ko-kurikulum (unit beruniform) yang tetap di sekolah, untuk aktiviti dilaksanakan bagi sesi pagi dan petang.
65. 59-100105
Tuan Tay Puay Chuan minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menubuhkan pusat latihan guru yang baru untuk mengatasi masalah kurang tenaga pengajar di semua aliran sekolah.
66. 60-100319
Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah yang diambil untuk mengatasi masalah penjawat awam yang melayari laman web lucah atau memuat turun pelbagai gambar, lagu dan video melalui internet pada waktu bertugas hingga menjejaskan sistem komputer di pejabat dan kelancaran tugas rasmi. Perkara ini didedahkan sendiri oleh Ketua Setiausaha Negara baru-baru ini.
67. 50-100452
Dato' Hamzah bin Zainudin minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memindahkan Pengkalan Tentera Laut Malaysia daripada Lumut ke Teluk Sipanggar setelah siap pusat perkapalan tentera laut dalam (dan pengkalan kapal selam) di sana dan bagaimanakah sistem pertahanan negara akan berubah setelah pembelian kapal selam ini dibuat.
68. 29-100408
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapa banyakkah peruntukan bagi keperluan kelas pra-sekolah dan adakah pengujudan kelas pra-sekolah itu dilihat seperti pembaziran kerana banyak pertindihan dengan kelas tabika KEMAS dan tabika PERPADUAN.
69. 71-100311
Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebanyak manakah minyak dan gas asli Malaysia dan apakah tatacara Kerajaan di dalam membangunkan industri menggunakan gas asli yang kini terbazir begitu sahaja dibakar sewaktu proses cari gali minyak.

70. 45-100186
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah perolehan Kerajan hasil dari cukai yang dipungut daripada pemegang-pemegang AP sepanjang tahun 2003 dan 2004.
71. 39-100168
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah cadangan untuk menggantikan buku laporan prestasi dan rekod pelajar dengan kad pintar yang lebih pratikal dan efisien bagi memperkasakan institusi pengajian negara dan kad pintar ini dapat digunakan secara menyeluruh serta dapat memudahkan urusan persekolahan dan urusan-urusan lain.
72. 61-100352
Datuk Jins Shamsudin minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tidakkah Kerajaan bercadang untuk memberi penjenamaan semula kepada nama-nama jalan dan tempat (termasuk Putrajaya) bagi mencerminkan identiti kebangsaan.
73. 38-100257
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramai pengedar dadah yang sedang ditahan polis di seluruh negara ketika ini. Berapa ramai antaranya yang sedang menunggu hukuman mati dan berapa ramai pula yang telah menjalani hukuman mati sejak tahun 2000 hingga pertengahan tahun 2005 ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 17/2005) Rang Undang-undang Tatacara **Bacaan Kali**
Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah **Yang Kedua**
Persekutuan) (Pindaan) 2005

2. (D.R. 14/2005) Rang Undang-undang Perbadanan “
Insurans Deposit Malaysia 2005.

3. **Menteri Pengangkutan** akan mencadangkan:-

“Bahawa Majlis membuat ketetapan bahawa Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan (Pindaan) 2005 yang ditarik balik pada 16 Mei 2005 di dalam Majlis ini dibentangkan semula oleh Y.B. Menteri Pengangkutan untuk dibaca kali yang kedua dan dipertimbangkan di semua peringkat dalam Mesyuarat ini”.

4. (D.R. 5/2005) Rang Undang-undang Kesalahan- **Bacaan Kali**
Kesalahan Penerbangan (Pindaan) **Yang Kedua**
2005.

5. 20-100074
Tuan Osman bin Bungsu akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil perhatian yang amat serius terhadap pencapaian pelajar-pelajar orang asli di dalam peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM yang dikatakan amat rendah status pencapaiannya berbanding dengan pelajar-pelajar bumiputera yang lain. Kerajaan hendaklah mengambil langkah-langkah segera untuk meningkatkan minat dan pencapaian pelajar berkenaan.

6. 22-100206

Dato' Dr. Vijayaratnam a/l Seevaratnam akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum negara Myanmar akan menjadi Pengerusi ASEAN pada tahun 2006;

Mengambil maklum kepimpinan Myanmar masih belum mengembalikan sistem demokrasi di negaranya seperti yang digalakkan oleh ASEAN dan komuniti dunia;

Mengambil maklum bahawa pemimpin yang dipilih oleh rakyat, Daw Aung San Suu Kyi masih di bawah tahanan di rumah (house arrest);

Maka Dewan ini mengambil keputusan bahawa Myanmar tidak dibenarkan memegang jawatan pengerusi ASEAN sehingga Daw Aung San Suu Kyi dan semua yang dianggap tahanan politik dibebaskan, dan kepimpinan negara tersebut benar-benar membuka ruang untuk pemulihan demokrasi di Myanmar."

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

<u>TAHUN 2005</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.93	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia Bagi Tahun 2003	26 Julai 2005
ST.97A	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.6) 2005 -P.U.(A) 35 bertarikh 3 Februari 2005.	26 Julai 2005
ST.98	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.7) 2005 -P.U.(A) 36 bertarikh 3 Februari 2005.	26 Julai 2005
ST.99	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.8) 2005 -P.U.(A) 37 bertarikh 3 Februari 2005.	26 Julai 2005
ST.100	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.9) 2005 -P.U.(A) 38 bertarikh 3 Februari 2005.	26 Julai 2005
ST.101	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.10) 2005 -P.U.(A) 39 bertarikh 3 Februari 2005.	26 Julai 2005
ST.102	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.11) 2005 -P.U.(A) 75 bertarikh 24 Februari 2005.	26 Julai 2005
ST.103	Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Pelaburan Dalam Suatu Syarikat Teroka) 2005 -P.U.(A) 76 bertarikh 24 Februari 2005.	26 Julai 2005

<u>TAHUN</u> <u>2005</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.104	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.12) 2005 -P.U.(A) 77 bertarikh 24 Februari 2005.	26 Julai 2005
ST.105	Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Kerajaan Republik Chile) 2005 -P.U.(A) 84 bertarikh 3 Mac 2005.	26 Julai 2005
ST.106	Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) (Peralatan Kualiti Kuasa) 2005 -P.U.(A) 87 bertarikh 3 Mac 2005.	26 Julai 2005
ST.107	Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) (Tenaga Yang Boleh Diperbaharui) 2005 -P.U.(A) 88 bertarikh 3 Mac 2005.	26 Julai 2005
ST.108	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.13) 2005 -P.U.(A) 102 bertarikh 24 Mac 2005.	26 Julai 2005
ST.109	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.14) 2005 -P.U.(A) 103 bertarikh 24 Mac 2005.	26 Julai 2005
ST.110	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.15) 2005 -P.U.(A) 104 bertarikh 24 Mac 2005.	26 Julai 2005
ST.111	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.16) 2005 -P.U.(A) 105 bertarikh 24 Mac 2005.	26 Julai 2005

ST.112 Perintah Cukai Keuntungan Harta Tanah 26 Julai 2005
(Pengecualian) 2005.
-P.U.(A) 154 bertarikh 24 Mac 2005.

TAHUN
2005

RISALAT/DOKUMEN

TARIKH
DIBENTANGKAN

ST.113 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 26 Julai 2005
(No.17) 2005.
-P.U.(A) 158 bertarikh 24 Mac 2005.

ST.114 Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan 26 Julai 2005
Perbadanan Stadium Merdeka Bagi Tahun 2003
(Telah Diaudit).

ST.115 Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis 26 Julai 2005
Sukan Negara Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit).